



**UNTUK SIARAN
SEGERA**

SIARAN AKHBAR

GLOMAC CATAT PRESTASI KUKUH BAGI S4 TK2026

- PBT meningkat 51% Tahun ke Tahun kepada RM20.6 juta;
- Syarikat memasuki TK2027 dengan jualan belum dibil sebanyak RM546 juta dan saluran pelancaran bernilai RM371 juta;
- Jumlah dividen dicadangkan oleh Lembaga Pengarah bagi TK2026 sebanyak 1.38 sen sesaham.

Kuala Lumpur, 25 Jun 2026 – Glomac Berhad (“Glomac” atau “Syarikat”) mencatat prestasi yang memberangsangkan bagi suku keempat berakhir 30 April 2026 ("S4 TK2026"), sekali gus menutup tahun kewangan disokong oleh sumbangan berterusan daripada projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan serta prospek pendapatan yang jelas.

Bagi suku tersebut, Syarikat merekodkan keuntungan sebelum cukai (“PBT”) sebanyak RM20.6 juta dengan hasil berjumlah RM79.8 juta, berbanding PBT berbanding PBT sebanyak RM13.6 juta bagi suku yang sama tahun kewangan 2025, mewakili peningkatan sebanyak 51% tahun ke tahun (“YoY”). Keuntungan bersih yang boleh diagihkan kepada pemegang saham turut meningkat kepada RM13.3 juta berbanding RM2.7 juta pada suku yang sama tahun sebelumnya.

Peningkatan prestasi suku tahunan ini didorong terutamanya oleh bil kemajuan yang lebih tinggi daripada rumah berkembar KEYS, pejabat kedai di Lakeside Residences, pejabat kedai di Saujana Perdana serta rumah teres Serai di Sungai Buloh Country Resort ("SBCR"). Keuntungan turut disokong oleh pengurusan kos yang berhemat meskipun berdepan tekanan kos luaran yang berterusan.

Bagi tahun kewangan berakhir 30 April 2026 ("TK2026"), Glomac mencatat hasil sebanyak RM226.2 juta, PBT sebanyak RM32.7 juta dan keuntungan selepas cukai ("PAT") yang meningkat kepada RM20.2 juta. Segmen pembangunan

hartanah kekal sebagai penyumbang utama kepada pendapatan Syarikat sepanjang tahun kewangan tersebut, manakala prestasi keseluruhan turut mendapat manfaat daripada kos pembiayaan yang lebih rendah serta perbelanjaan cukai yang berkurangan.

Sehingga 30 April 2026, Syarikat mengekalkan jualan belum dibil sebanyak RM546 juta, yang menyediakan keterlihatan pendapatan bagi tahun kewangan semasa melalui projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan.

Kedudukan Kewangan

Glomac terus memberi penekanan kepada usaha mengekalkan kedudukan kewangan dan kunci kira-kira yang kukuh. Pinjaman bersih kekal pada paras yang amat rendah, manakala Syarikat memiliki tunai dan setara tunai sebanyak RM215.8 juta pada akhir TK2026.

Dengan akses kepada Program Sukuk Wakalah bernilai RM3.0 bilion, Syarikat berada pada kedudukan yang baik untuk meneruskan aktiviti pembangunan terasnya di samping meneroka peluang pertumbuhan dan kepelbagaian yang saling melengkapi, sekali gus membina asas yang lebih berdaya tahan bagi pertumbuhan masa hadapan.

Sehingga 30 April 2026, aset bersih sesaham Glomac adalah sebanyak RM1.58.

Saluran Pelancaran

Syarikat merancang untuk melancarkan secara berperingkat pelbagai projek pembangunan baharu yang merangkumi gabungan seimbang produk komersial dan kediaman bertanah di seluruh perbandaran utamanya. Pelancaran yang dirancang bagi TK2027 dijangka mempunyai Nilai Pembangunan Kasar ("GDV") sebanyak RM371 juta.

Glomac telah memulakan program pelancaran TK2027 dengan memperkenalkan 16 Legacy yang menawarkan rumah berkembar eksklusif berhadapan dua jalan di Saujana Rawang. Satu lagi fasa kediaman bertanah turut dijangka diperkenalkan di perbandaran tersebut dalam tahun kewangan ini.

Pelancaran lain yang dirancang termasuk pejabat kedai di Saujana Perdana dan Saujana KLIA, rumah berkembar di Lakeside Residences serta fasa baharu rumah teres di Serai @ SBCR, Pembangunan yang memenangi pelbagai anugerah. Pelancaran ini dijangka menyokong pengisian semula jualan di samping memperluaskan penawaran produk Syarikat di koridor pembangunan utamanya.

Projek-projek yang telah siap di seluruh perbandaran utama Syarikat sebahagian besarnya telah mencapai kadar pengambilan penuh, sekali gus mencerminkan keupayaan Glomac dalam membangunkan produk yang memenuhi kehendak pasaran sasarannya.

Sorotan Operasi Lain

Di Glo Damansara, Syarikat telah melaksanakan beberapa inisiatif penambahbaikan termasuk pengenalan identiti jenama baharu serta kemasukan barisan penyewa baharu bagi memperkukuh penawaran runcit dan komersial pembangunan tersebut. Penambahbaikan lanjut terhadap hartanah tersebut, termasuk pengenalan lebih ramai penyewa baharu, akan dilaksanakan secara berperingkat bagi meningkatkan daya tarikan pembangunan itu serta mengukuhkan kedudukannya sebagai destinasi komersial dan gaya hidup yang rancak.

Sepanjang tahun ini, Glomac menerima pengiktirafan di StarProperty Real Estate Developer Awards 2026 apabila Serai @ SBCR meraih Anugerah Kecemerlangan bagi Pembangunan Bertanah Terbaik – Selangor di bawah kategori The Cornerstone Award, manakala Lakeside Boulevard menerima Anugerah Honours bagi Pembangunan Komersial Terbaik – Selangor di bawah kategori The Business Estate Award. Glomac turut dinobatkan sebagai Pemenang Anugerah Pemaju Terbaik di Des Prix Infinitus Media – ASEAN Property Developer Awards 2025/2026.

Lebih daripada sekadar pengiktirafan terhadap kecemerlangan reka bentuk, pencapaian ini mencerminkan rekod prestasi Glomac dalam membangunkan

projek berkualiti serta memberikan keyakinan kepada pembeli bahawa setiap projek yang dilancarkan akan disiapkan dan diserahkan seperti yang dijanjikan.

Dividen

Mencerminkan komitmen Syarikat untuk memberikan pulangan kepada pemegang saham, Lembaga Pengarah mencadangkan dividen akhir satu peringkat sebanyak 1.58 sen sesaham biasa bagi TK2026, tertakluk kepada kelulusan pemegang saham pada Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") akan datang. Berdasarkan cadangan dividen akhir tersebut, ia mewakili hasil dividen sebanyak 4.3%.

Prospek

Syarikat kekal berwaspada terhadap perkembangan geopolitik, peningkatan kos pembinaan serta tekanan inflasi yang terus mempengaruhi persekitaran operasi. Sehubungan itu, Glomac akan terus memberi keutamaan kepada pengurusan kos yang berhemat, penyerahan projek mengikut jadual serta pelaksanaan pelancaran yang dirancang.

Memasuki TK2027, Syarikat kekal komited untuk menyampaikan pembangunan berkualiti yang memenuhi jangkaan pelanggan, berlandaskan hampir empat dekad rekod penyampaian projek yang cemerlang serta jualan terkumpul sebanyak RM11 bilion.

Disokong oleh kunci kira-kira yang kukuh, jualan belum dibil sebanyak RM546 juta serta bank tanah strategik dengan anggaran baki GDV sekitar RM6 bilion, Syarikat berada pada kedudukan yang baik untuk mengharungi ketidakpastian pasaran sambil terus memanfaatkan peluang pertumbuhan di perbandaran sedia ada serta projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan.

- Tamat Siaran Media -

Kontak Media:

Alia Mior Azhar
Manager, Group Corporate Communications
+6010-433 4268 | aliamior@glomac.com.my

Ahmed Arizz Ahmed Azhar
Group Head, Group Corporate Affairs and Strategic Projects
arizz@glomac.com.my

Group Corporate Communications
gccm@glomac.com.my

Mengenai Glomac Berhad

Glomac Berhad ialah pemaju hartanah Malaysia dengan pengalaman lebih tiga dekad dalam membangunkan projek kediaman, komersial dan bercampur guna yang berkualiti di Kuala Lumpur, Selangor dan Johor. Tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak tahun 2000, Syarikat diiktiraf atas pelaksanaan yang berdisiplin, kekuatan kewangan dan komitmen terhadap pembinaan komuniti yang mampan serta terancang. Portfolionya merangkumi pembangunan perbandaran, kediaman bertanah, kediaman bertingkat tinggi dan hartanah komersial, disokong oleh operasi yang meliputi keseluruhan rantaian nilai hartanah. Sehingga kini, Glomac telah menjana hampir RM10 bilion nilai pembangunan dan terus memacu pertumbuhan berhemah, produk berasaskan permintaan pasaran dan nilai jangka panjang untuk pelanggan, rakan kongsi dan para pemegang saham.